

# Kawan Baharu

**Hazlan Mohd Aris**

Aku melabuhkan punggung di atas bangku panjang dalam gerabak kedua terakhir Kereta api Gerak Cepat (MRT). Selepas ini tiada lagi gerabak yang akan mengangkut penumpang. Aku pejamkan mata sambil menikmati lagu-lagu kegemaranku melalui alat MP3 yang tidak pernah renggang menemaniku.

Kereta api meluncur laju. Sesekali berhenti di stesen-stesen sepanjang laluan. Aku hanya membuka mata untuk melihat jam tanganku. Cepat pula masa bergerak malam ini. Habislah aku kalau lambat begini. Bersiap sedialah mendengar leteran Ibu. Letteran Ibu bagaikan pisau yang menoreh.

“Jangan pulang lewat. Mak Lang kau tu sudah lama benar hendak jumpa kau. Kali terakhir dia tengok kau, kau masih bayi lagi. Sejak kau jalan-jalan jatuh,” masih terngiang-ngiang peringatan Ibu.

Tiba-tiba hidungku terbau sesuatu yang tidak enak. Aku membuka mata dan menoleh ke kanan dan ke kiri. Penumpang yang memenuhi bangku dalam gerabak sudah tidak ramai. Semuanya dalam dunia mereka masing-masing. Tidak ada apa-apa yang mencurigakan. Tiada pula kelihatan sesiapa yang membawa sesuatu yang tidak sepatutnya dibawa ke dalam kereta api. Terpandang poster amaran tidak membenarkan membawa buah durian. Aku sarankan semua benda yang berbau busuk harus dilarang. Tiada sesiapa juga yang menunjukkan terusik dengan bau yang pelik ini. Bau itu seolah-olah khusus untuk lubang hidungku sahaja. Perasaan aneh menyelubungi fikiranku.

Aku teringat akan sebuah filem yang pernah aku tonton di pawagam satu ketika dahulu. Bau busuk yang muncul tiba-tiba selalunya diikuti dengan sesuatu yang menyeramkan seperti kehadiran makhluk halus. Bulu romaku berdiri teringatkan filem seram itu. Menyesal pula aku cuba mengingat semula kesudahan cerita itu. Seram sejuk dibuatnya.

Mataku masih meliar mencari-cari punca bau itu. Pada saat itu, bilangan penumpang semakin sedikit. Gerabak hampir kosong. Gerabak di hadapan

juga hampir kosong. Menoleh ke gerabak belakang sekali, kelihatan seorang perempuan tua sedang duduk sambil memandang tepat ke hadapannya. Aku perhatikan mak cik itu merenung tepat ke arah sesuatu. Namun, apabila tangannya diangkat, aku pasti mak cik tua itu menghidap penyakit Parkinson. Jelas kelihatan tangannya terketar-ketar.

Terdetik rasa simpati dalam hati ini. Hendak juga menghampiri mak cik itu untuk menghulurkan bantuan, tetapi niat aku itu mungkin tidak dapat aku teruskan kerana aku bukan seorang doktor. Bidang perubatan bukan bidangku. Semasa belajar subjek Biologi dahulu pun aku sekadar cukup makan sahaja. Jadi, lupakan sahaja niatku untuk membantu orang sakit.

Aku kembali menikmati alunan muzikku. Aku pejamkan semula mataku. Tidak lama kemudian, bau busuk itu muncul kembali. Kali ini lebih kuat daripada tadi. Aku buka mata. Aku menoleh ke arah mak cik tadi. Kini, kelihatan seorang wanita muda berdiri betul-betul di hadapannya. Tertanya dalam hati bila pula wanita muda itu naik kereta api. Stesen berikutnya jauh lagi. Jika ada sesiapa yang hendak menuju ke gerabak terakhir, pasti akan melintasi aku dahulu. Aku mula rasa pelik. Wanita muda itu bertudung putih. Sepadan dengan jubahnya yang putih juga. Meskipun bertudung, rambutnya yang panjang menghinggapi ke punggung.

Kemunculan wanita muda itu sudah membingungkan aku. Kini pula, mak cik itu memegang pergelangan tangannya erat-erat pula. Ada kalanya tangan itu ditepuk-tepuk perlahan. Diangkat-angkat sedikit. Kemudian, ditepuk-tepuk lagi. Hal ini berlaku beberapa kali. Pelik dan ganjil sekali perbuatan kedua-dua wanita ini. Meskipun pelik, aku cuba tidak mengendahnya. Biarlah mereka. Tidak semua perkara di dunia ini perlu difahami atau mudah dimengerti. Setiap orang ada kerenah masing-masing. Tidak payahlah aku hendak menjaga tepi kain orang pula, seolah-olah aku ini tidak ada masalah sendiri. Jam tanganku menunjukkan pukul 11.35 malam. Aku sudah melanggar amaran Ibu. Aku sudah reda akan nasibku. Leteran Ibu terpaksa aku harungi nanti. Untung sabut timbul. Kalau batu, tenggelamlah hingga ke dasar lautan yang paling dalam.

Tiga buah stesen lagi sampailah aku di perhentian Pasir Ris. Aku sudah bersedia untuk berlari sejurus sahaja keluar dari gerabak MRT. Mujur rumahku tidak jauh dari stesen MRT.

Bau tadi yang seolah-olah seperti bau bangkai itu menjemput aku menghalakan pandangan ke arah mak cik tadi. Dia masih duduk sambil memegang tangan wanita di hadapannya. Tidak semena-mena tudung wanita itu terjatuh ke lantai. Dia masih tegak berdiri seolah-olah tiada apa yang berlaku. Mak cik itu bergegas mengutip tudung lalu cuba memakaikannya. Apabila wanita itu tunduk ke hadapan, kepalanya berpaling sedikit ke arah aku. Bagaimana satu terjahan ke arahku, wajah itu membuat satu kejutan ke seluruh urat sarafku. Seluruh badanku secara serentak menggeletar. Tidak pernah aku melihat wajah yang menyeramkan dan sehodoh wajah wanita itu. Wajah itu bukan wajah wanita. Bukan wajah manusia!

Meski pun seperti tidak dapat mengangkat kudratku, aku paksa diriku untuk melangkah pantas ke gerabak lain. Aku pintas gerabak pertama. Kosong. Aku pintas gerabak-gerabak seterusnya. Semuanya lengang. Tidak ada seorang penumpang pun. Langkahku terhuyung-hayang tetapi aku tidak peduli. Aku mesti jauhkan diriku daripada mak cik tua dan wanita itu. Mulutku terkumat-kamit membaca apa sahaja ayat suci yang aku hafal. Fikiranku masih pada wajah yang mengerikan itu. Aku tidak berhenti bergerak agar berada sejauh mungkin daripada mereka.

“Pasir Ris.”

Aku meluru keluar. Entah kenapa kakiku tidak akur dengan kemahuan fikiranku. Kakiku terasa lemah sekali. Tidak terdaya hendak berlari. Tidak terlarat hendak berjalan pantas. Lirik mataku memerhatikan setiap sudut. Tiada mak cik itu. Tiada wanita itu. Aku terus mengorak langkah menuju ke rumah. Jam tanganku menunjukkan pukul 11.50 malam. Tidak ada seorang pun di kaki lima. Gerak kakiku kuteruskan juga.

“Ain...” Langkahku terhenti. Siapa yang tidak akan bergemuruh apabila nama disebut orang dalam suasana yang amat mendebarkan ini. Peluh sudah pun membuat bajuku lencun. Meski debaran jantungku lebih kuat daripada bunyi gerabak kereta api di landasan, aku menoleh ke belakang perlahan. Berderau lagi darahku bila aku terpandang mak cik dan wanita muda itu berada tidak jauh dariku. Mak cik itu masih memimpin wanita berambut panjang itu.

“Ain, anak Mak Cik ini minta kawan. Boleh, ya?”

Kasut tumit tinggiku yang menjadi kegemaranku aku sudah tidak hiraukan lagi. Aku tidak tahu ke mana ia terpelanting. Aku berlari se pantas yang mungkin. Pelari terpantas dunia pun aku mampu kalahkan kalau diikuti daripada pantasnya tembok-tembok flat yang aku pintas. Walaupun aku rasa aku sudah jauh daripada mak cik itu aku masih terdengar suaranya. Seolah-olah bibirnya berada di sebelah cuping telingaku. Aku terus berlari seperti lipas kudung. Inilah larian yang menentukan hidup atau matiku. Mulutku juga tidak kurang pantasnya mengulang ayat Kursi dan ayat-ayat Quran yang aku hafal. Teringat pesanan nenekku agar membaca Ayat Kursi untuk mengelakkan sebarang gangguan.

Tidak semena-mena kakiku tergelincir ketika cuba melangkah di atas lantai yang licin. Punggungku terhentak kuat ke kaki lima. Terhenti sejenak membaca surah suci digantikan dengan raungan menahan kesakitan. Aku mengurut-urut mata kakiku dan berharap dapat bangun semula.

“Ain... mari Mak Cik bantu. Jangan takut.”

“Tolong jangan ganggu saya, Mak Cik! Macam mana boleh tau nama saya? Pergi!”

“Ganggu? Mak Cik tak ganggu, Sayang. Mak Cik datang dari jauh untuk jumpa kau. Mak Cik hendak berikan kau sesuatu,” meremang bulu roma tengkukku mendengar kata-kata makcik itu.

Mak Cik tua itu membongkok dan merenung wajahku. Wanita muda tadi pula masih terconggok di belakangnya. Rambutnya menutupi wajahnya. Aku menarik nafas dan mengumpul tenaga kembali lalu terus bingkas bangun. Terincut-incut aku meneruskan larianku.

“Ain, anak Mak Cik ini minta berkawan. Boleh ya, nak?” Terdengar bisikan Mak Cik itu meskipun aku sudah jauh di hadapan. Bisikan yang diikuti dengan satu ilaian yang mengerikan.

Setibanya di rumah, aku terus mengetuk pintu rumah dengan sepenuh tenaga. Aku tidak peduli lagi jika jiran-jiranku sangkakan aku jiran yang biadab. Biar mereka merungut. Biar mereka mengadu. Apabila ibuku membuka pintu, aku sudah pun duduk terjelepek di muka pintu pagar.

“Ya Allah! Apa hal ini, Ain?” ibunya berlutut sambil mengusap rambutku.

“Ibu, tolong Ain, Ibu. Ada orang ikut Ain balik.”

Ibuku terus ke arah lif sambil matanya melingkas memandangi sekeliling.

“Tak ada sesiapa pun, Ain. Itulah, balik jauh malam lagi. Dah selalu Ibu ingatkan, jangan balik lewat.”

Leteran Ibu kali ini aku rasakan paling merdu. Tidak pernah aku rasakan leteran Ibu akan menjadikan aku tenteram. Aku rela dileteri Ibu sekarang ini. Teruskanlah Ibu.

“Banyak-banyak beristighfar. Sudah, mari masuk cepat!” kata Ibu. Ibu memberiku air suam dan membaringkan aku di katil bilikku. Aku sudah longlai layu.

“Ain rehat dulu, ya. Ibu ke dapur sebentar.”

Aku pejamkan mata dan cuba melupakan segalanya.

“Ini cuma satu igauan. Permainan fikiran,” aku cuba tenteramkan perasaan ini. Lama juga aku berbaring. Aku hampir terlelap apabila pintu bilik dibuka.

“Ain, bangun sayang. Mak Lang dari kampung datang. Dia hendak jumpa Ain.”

Terasa hendak gugur jantungku mendengar kata-kata Ibu. Bagai hendak putus nyawaku apabila aku lihat mak cik tadi berdiri di sebelah Ibu sambil tersenyum.

“Ibu, itulah mak cik yang kejar Ain tadi! Ain takut. Bawa dia keluar!” aku menepak mukaku.

“Apa yang kau merepek ni, Ain? Ini Mak Lang kaulah. Saudara dua pupu Ibu. Baru saja sampai dari kampung. Dia tersesat tadi sebab itu dia lewat sampai. Mujur dia dapat jumpa rumah kita. Dari jauh Mak Lang datang tidak baik Ain cakap begitu. Sudah, Mak Lang sebenarnya memang pandai

mengubat orang di kampung. Orang-orang kampung yang kena sampuk atau kena sawan semua jumpa Mak Lang. Biar Mak Lang tengok kau ni. Kau diganggu makhluk ghaib agaknya.”

“Saya tak mahu, Ibu,” aku menjawab sesopan mungkin dengan suara yang lemah.

Mak Lang tunduk membongkok ke arahku.

“Ain, jangan cakap begitu. Mak Lang sayang Ain dan Mak Lang ke sini pun kerana Ain. Biar Mak Lang bantu Ain, ya.”

Ibu menghulurkan pinggan berisi daun sirih dan kapur kepada Mak Lang. Mak Lang duduk di sisiku lalu menggenggam daun sirih berisi kapur itu. Mulut Mak Lang terkumat-kamit membaca sesuatu. Ditiupnya perlahan-lahan sirih yang digenggamannya. Matanya terpejam. Sejurus itu dia mendongak ke atas. Dengan suara yang dalam Mak Lang bersuara.

*“Aku tahu dari mana asal kau.*

*Asal hantu.*

*Asal jembalang.*

*Asal puaka.*

*Nyah kau dari sini kalau kau bukan cucuku!*

Aku bertambah bingung. Aku tidak tahu apa dan kepada siapa Mak Lang bercakap. Kamarku sudah jadi seperti tempat dukun menjalankan aktiviti mengubat orang sakit cara kampung sahaja gayanya. Bermacam-macam bau yang aku hidu.

*Asal laut kau pulang ke laut.*

*Asal tanah kau pulang ke tanah.*

*Asal bangkai kau pulang ke bangkai.*

*Salah kau padaku jika kau tak pergi.*

*Derhaka kau padaku jika kau kembali.*

*Hanya cucuku yang kuizin menghadirkan diri!”*

Daun sirih yang dikunyah lumat oleh Mak Lang disemburkan ke muka aku. Diratakan ke seluruh tubuh. Memang aku tidak suka tetapi, tiada daya aku

menahannya. Nafasku mulai bergerak perlahan. Setiap sendiku lemah. Jiwaku yang meronta-ronta tadi perlahan-lahan mengaku kalah lantas terkulai layu.

Mak Lang menyelimuti badanku. Ibu mengusap lembut rambutku.

“Ain, Ibu sudah ambil keputusan untuk bantu Ain. Masalah Ain tidak dapat tidur malam dan sering rasa seperti diganggu itu ada ubatnya. Itulah gangguan. Ain tidak perlu bimbang atau risau tentang apa-apa lagi, ya. Semuanya ini Mak lakukan untuk Ain,” Ibu bertutur lembut dan sayu sambil merenung wajahku.

“Ain tak faham, Ibu.”

“Ain, Mak Lang hendak beri Ain sesuatu yang sangat istimewa. Sesuatu yang boleh bantu Ain jika diganggu orang atau makhluk halus. Kita patut berterima kasih kepada Mak Lang. Ain tak perlu buat apa-apa cuma Ain terima sahaja apa yang Mak Lang hendak berikan. Nanti Ain akan berkenalan dengan kawan baharu Ain itu. Jangan risau, ya. Ain rehat sekarang.”

Ibu dan Mak Lang meninggalkan aku sendirian sebelum sempat aku bertanya lagi. Pintu bilik ditutup rapat. Kedengaran suara Mak Lang dan Ibu meneruskan perbualan mereka di luar. Mesra sungguh mereka seperti adik-beradik yang lama tidak bertemu. Aku melihat sekeliling bilik. Agak gelap. Hanya lampu di meja tulis yang bernyala.

Suatu bunyi di hujung katil menambahkan rasa takutku. Seperti bunyi kain dikibas. Aku menoleh lesu ke kanan. Aku tersentak namun tidak dapat aku bergerak. Mulutku cuba berteriak memanggil Ibu tetapi suaraku terkancing di kerongkong. Muncul wanita berambut panjang tadi mengibas-ngibas jubahnya. Kemudian, dia bergerak perlahan-lahan menuju ke arahku. Kali ini aku rasakan pasti dia akan lakukan sesuatu kepadaku.

Aku sekadar dapat merenungnya kaku. Inikah yang Mak Limah katakan bantuan yang ingin diberikan? Aku kini yakin, Ibu telah bersetuju untuk menerima saka peliharaan Mak Lang. Mak Lang, dalam pengetahuan aku, mengamalkan ilmu yang diwarisi datuk nenek moyang. Namun, dalam dunia yang serba moden ini aku sangsi akan penggunaan ilmu kuno yang sememangnya bercanggah dengan peganganku sebagai seorang Muslim. Jiwaku meronta tidak mahu menerima apa-apa daripada sumber-sumber

yang boleh meruntuhkan aqidahku. Telah aku pelajari tiada bantuan yang harus kita pinta selain daripada yang Maha Esa. Tiada pula yang berkuasa selain yang Maha Esa juga.

Kini, aku terperangkap dalam dunia mistikal pilihan keluargaku ini. Aku terpilih untuk meneruskan amalan kuno ini. Mengapa aku yang dipilih masih lagi menjadi tanda tanya. Aku sedar aku kurang ilmu dalam hal ini tetapi ini tidak bererti aku tidak mampu menghentikannya. Aku bertekad satu hari nanti aku pasti dapat menjauhkan keluargaku daripada putaran roda yang menghambat kami.

Aku tetap tidak dapat bergerak dari tempat pembaringanku. Aku pejam mataku rapat agar apa yang ada di hadapan mataku akan pergi jauh. Aku berharap agar segala yang berlaku ini hanyalah mimpi ngeri. Aku salah. Terdengar hembusan nafas di sisi. Satu suara halus kedengaran di cuping telinga.

“Ain, aku kawan baharumu.” Dunia sekelilingku perlahan-lahan menjadi kabur.

### **Perbendaharaan Kata**

- jampi serapah - kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendatangkan kesaktian
- menerjah - masuk dengan tiba-tiba
- mengibas-ngibas - menggerakkan ke atas dan ke bawah
- mengusap - menggosok perlahan-lahan
- Saudara dua pupu - saudara yang datuk atau nenekaya adik-beradik
- terconggek - berdiri atau duduk tegak
- tercungap-cungap - bernafas kencang
- terincut-incut - tertempang-tempang
- terkancing - terkunci, tertutup
- terlarat - terdaya, termampu



